



■ SALAH sebuah kubu British di Pengkalan Chepa.



■ TINGGALAN peralatan askar Jepun di Muzium Perang Kota Bharu.



■ Leftenan Jeneral Percival

Oleh Nasron Sira Rahim
nasron@bharian.com.my

"ASKAR Jepun menyerang! Askar Jepun menyerang!" Jeritan lantang seorang askar Punjabi yang menjadi pengawal British di Pantai Padang Pak Amat, Kelantan menyebabkan penduduk kampung di sepanjang pantai itu panik dan kelam-kabut berlari menyelamatkan diri.

Beberapa saat kemudian, pengawal pantai mendengar peluru meriam berterbangan di atas kepala mereka. Askar upahan British itu mula sedar yang peperangan antara Jepun dengan British di negara ini sudah bermula, Jepun datang untuk menjajah Tanah Melayu.

Sebaik tiba di gigi pantai, segerombolan askar Jepun meluru sambil melepaskan tembakan, tanpa menyedari yang banyak jerangkap samar sudah ditanam di sekitar pantai itu. Kegelóhohan memulakan serangan menyebabkan sekelip mata saja nyawa askar asing itu melayang terpijak jerangkap samar.

Bagaimanapun, dengan semangat juang 'kamikaze', askar Jepun terus mengasak askar Punjabi dan penduduk kampung sehingga mereka berjaya menakluk kawasan berkenaan.

Ketika askar Punjabi di ambang kekalahan, mereka meminta bantuan batalion tentera British yang berkubu di Pangkalan Chepa. Bantuan yang diminta segera dikerahkan ke kawasan itu sehingga berlaku pertempuran terbuka sehingga mengorbankan ramai mangsa, termasuk askar Jepun, British dan penduduk kampung.

Bagaimanapun, peperangan sengit berakhir dengan kemenangan



■ TENTERA Jepun menggunakan basikal untuk bergerak ketika peperangan.



■ PANTAI Padang Pak Amat menjadi tempat pendaratan Jepun.



■ BATU bersurat di Sekolah Menengah Hamzah, Kota Bharu.



■ Leftenan Jeneral Yamashita

BH : 8/7/2007

Kamikaze calar ego British

Tentera Jepun berbasikal paksa askar Punjabi, Inggeris berundur

FAKTA

Penjajahan Jepun di Tanah Melayu



- Jepun bersama Nazi Jerman, Austria dan Itali membentuk Kuasa Paksi menentang Kuasa Berikat (Britain, Perancis, Russia dan Amerika Syarikat) dalam Perang Dunia Kedua (1 September 1939 hingga 2 September 1945).
- Penjajahan di Asia Tenggara meliputi Tanah Melayu, Borneo dan Kepulauan Indonesia dilakukan Jepun bagi membentuk 'Pemerintahan Baru Asia Timur Raya'.
- Tanah Melayu digelar Jepun sebagai 'New Malai' (Malaya Baru) manakala Singapura digelar Syonan (Cahaya Timur).
- Pada Ogos 1943, Jepun menyerahkannya Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan kepada Kerajaan Siam sebagai membalas budi Siam membantu mereka dalam kempen menawan Tanah Melayu.
- Tentera British di Tanah Melayu tersilap percaturan apabila menjangka Jepun akan menyerang dari Singapura dan bukannya Siam.

kemudian, British yang berpangkalan di Pulau Pinang melarikan diri meninggalkan pulau itu selepas menghadapi kebangkitan Jepun yang menggempal pangkalan berkenaan hampir setiap hari.

Senjata, bot, bekalan dan perhubungan radio ditinggalkan begitu saja dalam tergesa-gesa dan akhirnya jatuh ke tangan tentera Jepun. Nippon terus membawa masuk tambahan kereta kebal, pesawat dan kelengkapan perang bagi mempergiatkan serangan untuk menduduki Tanah Melayu.

Tentera Jepun mara ke selatan dan menawan Ipoh pada 26 Disember. Penentangan sengit terhadap kemaraan Jepun tercetus dalam Pertempuran Kampar yang berlangsung selama tiga hari tiga malam sebelum Jepun beroleh kemenangan pada 2 Januari 1942.

Pada 7 Januari 1942, dua pasukan Briged India Tentera British dipintas dalam Pertempuran Slim River yang memberi tentera Jepun laluan mudah ke Kuala Lumpur yang menjadi ibu negara Tanah Melayu.

Pada 9 Januari, kedudukan British semakin terdesak dan Komander Jeneral Wavell memutuskan untuk mengundurkan keseluruhan Tentera British dari Kuala Lumpur ke utara Johor. Kesempatan itu menyebabkan Jepun masuk dan menduduki Kuala Lumpur dengan mudah tanpa tentangan pada 11 Januari.

Askar Jepun terus mara dalam asakan hebat daripada meriam dan tembakan senjata api tentera British dan tentera bantuan dari Australia.

Pertempuran sengit dengan tentera Australia di Jambatan Gemencheh

pada 14 Januari menyebabkan Jepun mengalami kekalahan taktikal buat kali pertamanya dan ia memberi tamparan hebat kepada Jepun kerana mengorbankan 600 askarnya.

Kalah dalam pertempuran di Gemencheh, Jepun semakin gegas dalam pertempuran lain. Pertempuran sengit di Parit Sulong selama empat hari menyebabkan tentera Australia dan askar upahan British kalah teruk.

Melihat jumlah yang mati dan tercedera meningkat, Leftenan Kolonel Anderson yang mengetuai Pasukan Muar mengarahkan setiap orang bawahannya 'menyelamatkan diri'.

Mereka melarikan diri merentas hutan, paya dan ladang getah manakala mereka yang tercedera ditinggalkan. Seramai 133 askar disiksa dengan kejam oleh tentera Jepun.

Pertempuran kamikaze oleh tentera Jepun menyebabkan British dan sekutunya diasak sehingga ke penghujung jalan. British mula menyedari yang tiada lagi peluang untuk menang dan akhirnya mengarahkan pengunduran umum pihaknya menyebabkan Selat Johor ke Singapura. Menjelang 31 Januari 1942 iaitu selepas 55 hari, keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun.

Pada 15 Februari 1942, pemerintah tentera British di Tanah Melayu, Leftenan Jeneral Arthur Ernest Percival bersama-sama 60,000 tentera British menyerah diri secara rasmi kepada Pemerintah Tentera Jepun, Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita di Ford Plant Bukit Timah, Singapura.

Pengumuman kekalahan British itu menyebabkan bermula era penjajahan Jepun di negara kita.